



7 Mac 2014
7 March 2014
P.U. (A) 66

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB
TABUNG HAJI (PINDAAN) 2014

*TABUNG HAJI DISCIPLINARY
(AMENDMENT) REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TABUNG HAJI 1995

PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB TABUNG HAJI (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Akta Tabung Haji 1995 [*Akta 535*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji (Pindaan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 7 Mac 2014.

Pindaan peraturan 36

2. Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010 [*P.U. (A) 281/2010*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini dipinda dalam subperaturan 36(1)—

(a) dengan memasukkan sebelum perkataan “Jawatankuasa” perkataan “Pengerusi”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu” dengan perkataan “empat belas”.

Pindaan peraturan 37

3. Peraturan 37 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan sebelum perkataan “Jawatankuasa” perkataan “Pengerusi”;

(b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan sebelum perkataan “Jawatankuasa” perkataan “Pengerusi”; dan

- (c) dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu” dengan perkataan “empat belas”.

Peraturan baru

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 56 peraturan yang berikut:

“Memulakan prosiding undang-undang dengan bantuan guaman

57. (1) Jika seseorang pekerja mengingini bantuan guaman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan (3) pekerja itu tidak boleh memulakan prosiding undang-undang bagi kepentingan peribadinya berkaitan dengan perkara yang berbangkit daripada tugas rasminya tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga.

(2) Seseorang pekerja yang menerima notis mengenai permulaan prosiding undang-undang atau permulaan prosiding undang-undang yang dicadangkan terhadapnya berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas rasminya atau yang menerima apa-apa proses mahkamah yang berhubungan dengan prosiding undang-undang tersebut hendaklah dengan segera melaporkan perkara itu kepada Ketua Jabatan bagi mendapat arahan tentang sama ada dan bagaimana notis atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, proses mahkamah itu hendaklah diakui terima, dijawab atau dibela.

(3) Seseorang pekerja yang mengingini bantuan guaman untuk mengambil khidmat dan mengarah seseorang peguam bela dan peguam cara bagi maksud prosiding undang-undang berkaitan dengan perkara yang berbangkit daripada tugas rasminya boleh membuat suatu permohonan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga.

(4) Permohonan di bawah subperaturan (3) hendaklah mengandungi segala fakta dan hal keadaan kes itu berserta dengan pendapat Ketua Jabatan yang telah dipertimbangkan tentang jenis penglibatan pekerja itu dan hendaklah

dialamatkan dan dikemukakan kepada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga.

(5) Apabila diterima permohonan itu di bawah subperaturan (3), Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga boleh melulus atau menolak permohonan itu, tertakluk kepada nasihat Penasihat Undang-Undang Lembaga tentang—

- (a) amaun bantuan guaman yang hendak diluluskan;
- (b) peguam bela dan peguam cara yang hendak diambil dan diarahkan oleh pekerja itu; atau
- (c) apa-apa syarat lain yang Penasihat Undang-Undang Lembaga fikirkan wajar,

dan tentang syarat tersirat selanjutnya bahawa, sekiranya pekerja itu diawardkan kos oleh mahkamah apabila selesai prosiding undang-undang tersebut, tiada bayaran berkenaan dengan bantuan guaman yang diluluskan sedemikian akan dibuat oleh Lembaga melainkan jika amaun kos yang diawardkan sedemikian kepadanya itu tidak mencukupi untuk membayar caj-caj mengambil dan mengarah seorang peguam bela dan peguam cara.

(6) Caj untuk mengambil khidmat seorang peguam bela dan peguam cara yang diambil dan diarah oleh atau bagi pihak seseorang pekerja dalam prosiding undang-undang berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas rasminya selain dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga, tidak akan dibayar oleh Lembaga.”.